

Nik Salida
Suhaila
Nik Saleh



Ibu bapa, sekolah perlu seiring capai matlamat

Kerajaan boleh contohi kaedah di UK didik pelajar amal gaya pemakanan sihat, berkhasiat

GARIS panduan baru penguurusan kantin sekolah adalah insentif wajib yang perlu dimuktamadkan segera untuk memastikan kanak-kanak Malaysia mendapat nutrien terbaik dalam pemakanan pada waktu persekolahan selain inisiatif ibu bapa di rumah.


Oleh kerana sudah terlewat, ia tidak boleh dilengahkan lagi, bahkan usaha ini perlu mendapat kerjasama yang jitu dari pelbagai pihak bertanggungjawab.

Di United Kingdom, hampir semua sekolah rendah tidak mempunyai kemudahan kantin, sebaliknya pihak berkuasa tempatan menyediakan dewan makan yang menyediakan makanan kepada pelajar yang membayar wang secara mingguan atau bulanan.

Menariknya, makanan disediakan adalah makanan sihat seperti sayur-sayuran yang dihidangkan dalam bentuk salad dengan campuran minyak zaitun, buah-buahan, susu dan roti. Selain kemudahan dewan makan, pelajar juga diberi pilihan untuk membawa bekal dari rumah.

Walaupun demikian, pelajar tidak dibenarkan membawa sebarang makanan melainkan beberapa menu yang ditentukan antaranya sandwich, sayur-sayuran, buah-buahan segar, susu dan jus. Penyelaras ditugaskan untuk memantau pemakanan pelajar akan memeriksa bekalan yang dibawa dan memastikan ia memenuhi syarat dan jumlah ditetapkan pihak sekolah.

Jika melanggar syarat, ibu bapa akan mendapat surat peringatan supaya hal sama tidak berulang. Ibu bapa juga akan diingatkan mengenai khasiat pemakanan sihat



KEPENTINGAN mengambil makanan berkhasiat bermula dari rumah.

dan mencakupi keperluan tubuh setiap anak.

Pihak berkuasa tempatan juga seiring mengadakan pertemuan dengan ibu bapa untuk berkongsi pandangan dalam penyediaan makanan, malah mereka turut menyediakan pelbagai makanan contoh yang boleh dijadikan bekal anak ke sekolah.

Jika melanggar syarat, ibu bapa akan mendapat surat peringatan supaya hal sama tidak berulang. Ibu bapa juga akan diingatkan mengenai khasiat pemakanan sihat

tertulis ucapan tahniah dan kata-kata pujian. Ia menjadi rangsangan kepada pelajar untuk komited membawa makanan yang sihat, malah ada yang hanya membawa salad sayuran dan susu ke sekolah.

Sewaktu pelajar sedang menikmati makanan, penyelaras dewan makan akan menghampiri mereka sambil menerangkan mengenai khasiat makanan yang diambil dan pelajar diberi peluang bertanya soalan hingga mereka berpuas hati makanan diambil memenuhi keperluan

harian tubuh mereka.

Memandangkan garis panduan baru penguurusan kantin sekolah meliputi aspek memastikan pelajar diberi makanan sihat dan bersih, ia memerlukan kerjasama dan kesedaran tinggi pengusaha kantin. Mereka bukan saja perlu tahu dan faham hasrat kerajaan, tetapi juga sedar objektif serta impak garis panduan berkenaan.

Pengusaha kantin juga mesti mengambil inisiatif untuk menarik minat pelajar mengambil makanan

sihat serta memastikan makanan disediakan dalam bekas yang bersih dan menarik sekali gus mendidik pelajar mengamalkan gaya hidup cemerlang.

Ibu bapa juga perlu memberi kerjasama dan sedar peranan mereka mendidik gaya pemakanan sihat dan bersih kepada anak. Tarbiah yang konsisten akan membantu meninggalkan kesan positif kepada taraf kesihatan kanak-kanak.

Mereka tidak akan keliru antara ajaran di sekolah dan di rumah, tambahan pula makanan sihat tidak memerlukan belanja besar. Yang paling utama, anak-anak tidak didedahkan dengan rokok, bahkan perlu difahamkan mengenai bahaya 'makanan' itu.

Pihak berwajib harus memastikan tiada gerai jualan atau kenderaan bermotor menjual makanan ringan di luar kawasan sekolah yang memudahkan pelajar membeli makanan tidak sihat. Tiada guna jika pengusaha kantin berusaha mengikut garis panduan sebaliknya pelajar boleh mendapatkan makanan memudaratkan dengan mudah di luar pagar sekolah.

Sekolah boleh meletakkan papan tanda amaran supaya tiada jual beli di luar pagar sekolah atau amaran kepada pelajar tetapi undang-undang menjadikan perbuatan ini sebagai satu kesalahan perlu digubal supaya komitmen mendidik kanak-kanak mengamalkan gaya pemakanan sihat dapat direalisasikan dengan betul dan teratur.

**Penulis ialah Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-
Undang Universiti Sains Islam
Malaysia, kini melanjutkan
pelajaran di United Kingdom**